

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 JANUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 17

Membangun ekonomi digital akar umbi



MERENTAS
RUANG

SAIFUDDIN ABDULLAH

Membangun ekonomi digital akar umbi

Pada 14 Januari lalu, saya melauncurkan program baharu Parlimen Indera Mahkota (IM) iaitu IMdialog.

Ita adalah siri diskusi untuk percambahan idea, dasar-dasar dan program-program pembangunan yang bersepada dalam pelbagai sektor seperti pengakupayaan belia dan wanita, ekonomi dan kehidupan digital, demokrasi dan governans serta hal ehwal antarabangsa.

Ita dilaksanakan dalam bentuk sidang meja bulat, makmal, persidangan, penerbitan dan khidmat masyarakat. Ita dibangunkan atas nilai-nilai murni seperti kebenaran, keadilan dan kesukarelaan.

Masa depan pertumbuhan ekonomi bergantung terutamanya kepada ekonomi digital. Dalam konteks ini, Malaysia telah mempunyai pelan pembangunannya yang khusus iaitu MyDIGITAL.

Kini ia perlu dilaksanakan secara komprehensif dan sistematis termasuk di peringkat akar umbi.

Justeru, siri pertama IMdialog dibuat dalam bentuk sidang meja bulat bertemakan 'Membangun Ekonomi Digital IM'. Ia dijalankan dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan dihadiri seramai 25 peserta.

Matlamatnya adalah untuk membina program-program ekonomi digital di IM dengan memberi fokus kepada produk-produk oleh usahawan-usahawan IM.

Dalam hal ini, kita sedia maklum di Malaysia, terdapat tiga komponen mereka yang terlibat dalam ekonomi digital iaitu yang telah menjadi ikon, yang telah berjaya dan selesa serta yang baru melakukan transisi ke ekonomi digital.

Oleh itu, program kali ini mempunyai

tiga objektif iaitu pertama, membantu pelajar, generasi muda dan usahawan IM melakukan transisi ke arah ekonomi digital.

Objektif kedua adalah untuk memperkasakan aktiviti-aktiviti ekonomi digital sedia ada di IM dan ketiga, melahirkan ikon-ikon ekonomi digital daripada IM.

Matlamat dan objektif-objektif tersebut boleh disesuaikan dengan peringkat akar umbi di tempat-tempat lain.

Dalam IMdialog, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MDEC, Mahadhir Aziz telah menerangkan program-program MDEC, contohnya Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS), Program e-Rezeki, Global Online Workforce (GLOW) dan mydigitalmaker.

Dua orang peserta MDEC yang telah berjaya turut berkongsi kisah kejayaan mereka. Peserta-peserta telah berbincang dengan aktif.

Pada penutupnya, sebanyak enam tindakan susulan atau projek konkret telah dikenal pasti iaitu dalam ehwal

persekolahan, aplikasi baharu untuk Parlimen Indera Mahkota, mentoring, permasaran, penyelidikan dan latihan.

Dalam pembentangannya, Mahadhir turut menggariskan tiga perkara penting dalam kerja-kerja MDEC. Pertama, penjenamaan-semula Multimedia Super Corridor (MSC).

Kedua, peranan MDEC sebagai penggerak utama mendapatkan pelaburan asing dalam ekonomi digital. Dan ketiga, peranan MDEC meng-eksport bakat-bakat dan produk-produk ekonomi digital Malaysia ke luar negara.

Kita perlu benar-benar memperkuatkan ekosistem pembangunan ekonomi digital negara supaya ia menjadi katalis strategik pertumbuhan ekonomi dan mengelak daripada kehilangan pendrive serta Grab daripada berulang.

Dalam hal ini, MDEC perlu diperkasa sepenuhnya dan pembangunan akar umbi dihakupaya seutuhnya.

*Datuk Seri Saifuddin Abdullah ialah Ahli Parlimen Indera Mahkota, Pahang